

04/09/2002

152 rakyat Filipina berlepas dari Sandakan

KOTA KINABALU, Selasa - Sebuah kapal pengangkut Filipina berlepas dari pelabuhan Sandakan awal pagi ini membawa 152 rakyat negara itu menuju ke Bongao di Tawi-Tawi.

Kapal pengangkut milik Tentera Laut Filipina itu sepatutnya berlepas Sabtu lalu tapi ditangguhkan atas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, susulan rayuan daripada Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo.

Penangguhan itu dibuat bagi membolehkan delegasi negara itu yang diketuai Penasihat Presiden bagi Hal Ehwat Muslim, Nur Jaafar, mengadakan lawatan ke pusat tahanan sementara yang menempatkan rakyat negara itu di negeri ini.

Kapal pengangkut San Juan yang tiba di sini, awal pagi Sabtu lalu, berlepas kira-kira jam 5 pagi ini.

Malam ini, sebuah lagi kapal pengangkut negara itu, BRP Bacolod City, yang membawa lebih 500 pendatang tanpa izin Filipina dijangka berlepas menuju Bongao di Tawi-Tawi.

Ketua Pasukan Bantuan Jabatan Hal Ehwat Luar Filipina, Armando Comia, berkata kapal San Juan itu dijadualkan berlepas malam tadi tapi ditangguhkan kerana cuaca buruk.

"Hanya kira-kira jam 5 pagi, kapal itu berjaya berlepas dari sini menuju ke Bongao Tawi-Tawi. Kami difahamkan kapal itu selamat tiba di sana kira-kira jam 11.30 pagi ini," katanya.

Comia berkata, kapal kedua dijangka berlepas tengah malam ini selepas menerima kunjungan Jaafar bersama delegasi Filipina lain yang tiba dari lawatan di Tawau lewat petang ini.

Sementara itu, tinjauan Berita Harian di dermaga Pelabuhan Sandakan petang ini mendapati proses menghantar pulang rakyat Filipina berjalan lancar dengan sokongan pasukan bantuan sukarelawan negara itu.

Seorang penduduk, Junila Sapanta, 21, dari Zamboanga berkata beliau gembira dapat pulang semula ke negara tapi ingin kembali semula ke Sabah selepas ini.

Beliau yang sebelum ini menetap di Kampung Jawa, Lahad Datu, gembira sepanjang bekerja di sebuah kantin sekolah di daerah berkenaan meskipun dengan gaji yang agak kecil.

"Saya ingin balik ke Zamboanga dan dapatkan permit kerja supaya dapat datang semula ke sini," katanya.

Jolip Zamani, 35, berkata beliau ingin kembali semula ke Sabah selepas ini tapi secara bersendirian.

"Saya ada empat anak tapi mereka tidak akan kembali semula ke sini. Saya mencari kerja dan mengumpulkan duit sebanyak mungkin kerana di Sabah anda boleh dapat itu semua sekiranya sedia bekerja kuat," katanya.